

ASAS AGAMA ISLAM

by Izdeen



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda SAW, sahabat baginda SAW serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah baginda SAW.

Buku ini ditulis sebagai usaha kecil saya agar kita sama-sama belajar tentang asas agama Islam, kerana saya terbaca firman Allah ini:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَ تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ

Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman. (51:55)

Akhirnya, semoga Allah SWT memberi kita kefahaman di dalam agama dan seterusnya melayakkan kita untuk mendapat syurga Allah SWT. Amin.

Maksud Islam

Islam dari segi bahasa ialah tunduk dan menyerah diri kepada Allah Taala. Islam menurut syarak ialah agama yang ditegakkan atas lima asas.

Rukun Islam

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Solat fardu 5 waktu
3. Berpuasa di bulan Ramadan
4. Mengeluarkan zakat
5. Menunaikan haji bagi yang mampu

5 Solat Fardu

1. Solat Subuh (2 rakaat)
2. Solat Zuhur (4 rakaat)
3. Solat Asar (4 rakaat)
4. Solat Maghrib (3 rakaat)
5. Solat Isyak (4 rakaat)

Dalil Wajib Solat

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Maksudnya: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya

(Surah al-Nisa' (103

Puasa Ramadan

Puasa Ramadhan ertinya menahan diri daripada makan dan minum serta segala perbuatan yang boleh membatalkan puasa, mulai dari terbit fajar sehinggalah terbenam matahari pada bulan Ramadan.

Hukum puasa Ramadan adalah wajib bagi umat Islam.

Niat Puasa

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ أَنْ أَدَّاءِ فَرَضِ رَمَضَانَ هَذِهِ
السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Nawaitu Souma Ghadin 'An Ada-'i, Fardhi
Syahri Ramadhana Hazihis Sanati Lil'lahi Ta'ala

Maksudnya: Sahaja aku puasa esok hari pada
bulan Ramadhan tahun ini kerana Allah Ta'ala

Zakat Fitrah

Zakat Fitrah secara istilahnya penyerahan yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat tertentu

Tujuan zakat ini ialah membersihkan dan menyucikan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan seterusnya bayaran fitrah tersebut dapat digunakan untuk membantu fakir dan miskin membuat persiapan menyambut Hari Raya.

Kiraan zakat fitrah adalah satu sha(gantang) dan nilainya seperti yang dinyatakan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya Fiqh al-Islami wa Adillatuh iaitu 2.75l kg.

Tunaikan Haji

Haji ialah mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah-ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.

Hukum menunaikan ibadah haji adalah wajib sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan.

Ibadah haji ini wajib bagi mereka yang mampu dari segi:

1. Belanja pergi dan balik.
2. Belanja untuk tanggungan yang ditinggalkan.
3. Kesihatannya yang baik.
4. Keselamatan perjalanan dan kenderaan.
5. Sempat masa perjalanan mengikut kadar perjalanan biasa.

Maksud Iman

Iman menurut bahasa adalah perakuan.

Mengikut Ulama hadis dan fekah, iman ialah :
التصديق بالقلب والاقرار باللسان والعمل بالاركان
"Membenarkan dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan semua rukun-rukun iman."

Iman dari segi syarak ialah memperakui kewujudan Allah sebagai pencipta tanpa berbelah bahagi.

Sesungguhnya Allah itu Maha Suci dan Esa tiada sekutu bagiNya. Sesungguhnya, iman manusia ini ada turun naik. Iman seseorang itu boleh bertambah dan berkurang, bertambah dengan ketaatan, berkurang apabila melakukan maksiat.

Rukun Iman

1. Beriman kepada Allah
2. Beriman kepada Malaikat
3. Beriman kepada Kitab
4. Beriman kepada Rasul
5. Beriman kepada Hari Akhirat
6. Beriman kepada Qadha' dan Qadar

10 Malaikat dan tugas

1. Jibril - menyampaikan wahyu
2. Mikail - menyampaikan rezeki
3. Ridhwan - menjaga pintu syurga
4. Malik - menjaga pintu neraka
5. Munkar - penyoal di alam kubur
6. Nakir - penyoal di alam kubur
7. Raqib - pencatat amalan baik
8. Atid - pencatat amalan buruk
9. Izrail - mencabut nyawa
10. Israfil - meniup sangkakala

Kitab dan Suhuf

Terdapat 4 Kitab :

1. Al-Quran kepada Nabi Muhammad
2. Injil kepada Nabi Isa
3. Taurat kepada Nabi Musa
4. Zabur kepada Nabi Daud

Suhuf ialah pedoman yang mengandunginya penjelasan hukum-hakam dasar.

Terdapat 100 Suhuf:

1. Nabi Shith (a.s) 50 suhuf
2. Nabi Idris (a.s) 30 suhuf
3. Nabi Ibrahim (a.s) 10 suhuf
4. Nabi Musa (a.s) 10 suhuf

25 Rasul

- | | |
|------------|--------------|
| 1. Adam | 13. Syuib |
| 2. Idris | 14. Musa |
| 3. Nuh | 15. Harun |
| 4. Hud | 16. Zulkifli |
| 5. Saleh | 17. Daud |
| 6. Ibrahim | 18. Sulaiman |
| 7. Lut | 19. Ilyas |
| 8. Ismail | 20. Ilyasa' |
| 9. Ishaq | 21. Yunus |
| 10. Yaakub | 22. Zakaria |
| 11. Yusuf | 23. Yahya |
| 12. Ayub | 24. Isa |

25. Muhammad SAW

Beriman Kepada Hari Akhirat


Beriman kepada Hari Akhirat secara ringkasnya ialah percaya yang suatu masa kita akan melalui:

- Kematian
- Alam kubur
- Hari kebangkitan
- Berkumpul di Padang Mahsyar
- Dihisab segala amalan baik dan buruk di Mizan(neraca timbangan)
- Titian sirat
- Berakhir di syurga atau neraka.

Nasab Nabi Muhammad

Muhammad bin Abdullah
bin Abdul Muthallib bin Hasyim
bin Abdu Manaf bin Qushay
bin Kilab bin Murrah
bin Ka'ab bin Luay
bin Ghalib bin Fihri
bin Malik bin al-Nadhar
bin Kinanah bin Khuzaimah
bin Mudrikah bin Ilyas
bin Mudhar bin Nizar
bin Ma'ad bin Adnan.

THE FAMILY TREE OF PROPHET MUHAMMAD



II Isteri Nabi

1. Khadijah Binti Khuwailid R.anha
2. Saudah Binti Zam'ah anha
3. Aisyah Binti Abu Bakar R.anha
4. Hafsah Binti Umar R.anha
5. Zainab Binti Khuzaimah R.anha
6. Ummu Salamah R.anha
7. Ummu Habibah R.anha
8. Juwairiyah R.anha
9. Maimunah R.anha
10. Sofiyyah Binti Hayyi R.anha
11. Zainab Binti Jahsy R.anha

7 Anak Nabi

1. Qasim
2. Abdullah
3. Ibrahim
4. Zainab
5. Ruqayyah
6. Ummu Kalthum
7. Fatimah

Semua hasil daripada perkahwinan dengan Khadijah, kecuali Ibrahim(dilahirkan oleh Maria al-Qibti)

10 Sahabat Dijamin Syurga

1. Abu Bakar as-Siddiq
2. Umar al-Khattab
3. Uthman bin Affan
4. Ali bin Abi Talib
5. Thalhah bin Ubaidillah
6. Zubair bin Awwam
7. Abdurrahman Auf
8. Saad bin Abi Waqqas
9. Sa'id bin Zaid
10. Abu Ubaidillah bin Jarrah

4 Wanita Paling Mulia

Dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W
dalam hadis baginda, sabda baginda:

"Wanita penghuni syurga yang paling
utama adalah Khadijah binti Khuwailid,
Fatimah binti Muhammad, Maryam
binti Imran dan Asiah binti Muzahim
isteri Firaun."

(Hadis Riwayat Ahmad dan Thabrani)

Kelebihan Selawat

Daripada Abdullah bin 'Amr RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا

Maksudnya: "Sesungguhnya barangsiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya dengan [(sepuluh selawat." [Riwayat Muslim (384

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Alhamdulillah, habis dah. Terima kasih sudi membaca, semoga bermanfaat selamanya.

Kongsi je kat kawan2, no worries.



Nak buku Keperibadian Nabi (Syamil Muhammadiyah), Free je, tekan sini.

Jangan lupa support Izdeen.com dengan tekan je logo tu!

